



4 Disember 2013  
4 December 2013  
P.U. (A) 351

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH PEMASARAN IKAN (PINDAAN) 2013

#### *FISH MARKETING (AMENDMENT) RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

KAEDAH-KAEDAH PEMASARAN IKAN (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) dan seksyen 23 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*], Lembaga dengan kelulusan Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan (Pindaan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 4 Disember 2013.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Pemasaran Ikan 2010 [*P.U. (A) 104/2010*], yang disebut “Kaedah-Kaedah Ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda—

- (a) dalam tajuk dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan” dengan perkataan “Kaedah-Kaedah”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “peraturan-peraturan” di mana jua terdapat dengan perkataan “kaedah-kaedah”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan” di mana jua terdapat dengan perkataan “Kaedah-Kaedah”;
- (d) dengan menggantikan perkataan “peraturan” di mana jua terdapat dengan perkataan “kaedah”; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan “subperaturan” di mana jua terdapat dengan perkataan “subkaedah”.